

# Malaysia mahu ASEAN berkongsi kemakmuran

**Kuala Lumpur:** Malaysia mengambil tanggungjawab Kepengerusian ASEAN 2025 bermula hari ini dengan tekad menjamin rantau itu terus menikmati dan berkongsi limpahan kemakmuran secara adil tanpa ada kelompok atau wilayah yang disisihkan ketika kerumitan lanskap global pada masa ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerumitan landskap global kini menuntut ASEAN melakar peranan dan pengarah baharu selaras tema 'Keterangkuman dan Kemampanan'.

Beliau berkata, kini menjadi

tugas besar Malaysia yang mula mempengerusikan ASEAN, dalam memenuhi hasrat itu, seiring tema itu.

"Yakni, membawa seluruh kekuatan yang ada, seluruh pasukan yang ada sebagai satu kesatuan dan menjamin supaya pembangunan ini terus mampan dan mengambil kira menguruskan jurang perbezaan dan menangani permasalahan dihadapi kelompok yang tersisih atau miskin atau terpinggir.

"Jadi, inilah maksud kita supaya ASEAN menikmati dan berkongsi limpahan kemakmuran secara adil tanpa ada ke-

lompok atau wilayah yang disisihkan," katanya dalam perutusan khas sempena tahun baharu 2025 yang disiarkan secara langsung di televisyen, malam tadi.

Bagi maksud ini, Anwar berkata, Malaysia harus bersama menjunjung prinsip *striving for excellence*, maknanya berusaha mencari jalan dan kaedah supaya mencatat kecemerlangan, mengukuh perpaduan di dalam negara terlebih dahulu.

"Sebab sebelum kita melangkah ke rantau dan ke pasaran antarabangsa, negara harus teratur dengan baik, tatakelola

mesti dimantapkan, ketirisan dan rasuah mesti dibanteras. Barulah kita akan perolehi penghormatan sebagai satu negara berdaulat, merdeka dan bertanggungjawab.

"Inilah penghormatan besar untuk negara dan peluang untuk membina lembaran baharu dalam agenda serantau dan global yang terus mencabar selagi beberapa isu pokok seperti pembantaian, kezaliman, penindasan, penjajahan di Gaza dan beberapa kawasan yang mencabar selainnya.

Hari ini, Malaysia secara rasmi mengambil alih jawatan Pe-

ngerusi ASEAN, selepas Laos menyerahkan tanggungjawab ketika Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 di Vientiane pada 11 Oktober lalu.

Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada lebih 300 mesyuarat dan sidang kemuncak ASEAN sepanjang tahun, antaranya Pemukiman Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN di Johor (Februari), Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN dan Persidangan Pasca Menteri (AMM/PMC) di Kuala Lumpur (Julai), serta Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 di Kuala Lumpur pada Oktober.